



25 Jun 2012
25 June 2012
P.U. (A) 190

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENDAFTARAN PEMILIH) (PINDAAN) (NO. 2) 2012

*ELECTIONS (REGISTRATION OF ELECTORS) (AMENDMENT)
(NO. 2) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH /
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA /
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) (PINDAAN)
(NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19], Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) (No. 2) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 25 Jun 2012.

Pindaan peraturan 21A

2. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [P.U. (A) 293/2002], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 21A(2) dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “pada bila-bila waktu yang munasabah” dengan perkataan “pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja”.

Pindaan peraturan 22

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan 22(2) dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “pada bila-bila waktu yang munasabah” dengan perkataan “pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja”.

Dibuat 22 Jun 2012
[SPR(R)108; PN(PU2)178D/XLIV]